

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA**

**BENGKEL PENYELARASAN  
PERTANYAAN, PANDANGAN DAN  
CADANGAN JURUCAKAP NEGERI**

**BERKAITAN BUKU LAPORAN TAHUNAN  
MAPA KE-38**

**21 JUN 2024 (JUMAAT)  
3.00 PETANG  
TH HOTEL, KELANA JAYA**

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum                      warahmatullahi  
wabarakatuh

Salam Malaysia Madani dan Salam  
Koperasi

Hadirin Hadirat yang dihormati

- Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir pada Bengkel Penyelarasan Pandangan dan Jurucakap Negeri Berkaitan Buku Laporan MAPA ke-18

- Untuk makluman, Mesyuarat Lembaga ANGKASA Bil. 10/2022 pada 31 Oktober 2022 telah meluluskan Tatacara Pelaksanaan Mesyuarat Agung Negeri 2023. Tatacara ini menetapkan bahawa **pemilihan dua orang Jurucakap Negeri adalah untuk tempoh dua tahun**, dan jurucakap mestilah daripada kalangan

Perwakilan Negeri ke Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA) bagi tahun 2023 dan 2024.

- Alhamdulillah Jurucakap Negeri telah dipilih di setiap negeri sewaktu Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2023) yang lalu. Dan untuk MAPA 2024, Jurucakap Negeri yang layak adalah

seramai 18 orang sahaja. Ini adalah kerana ada Jurucakap yang telah dipilih menjadi anggota JPAN dan ada juga Jurucakap yang tidak memenuhi kelayakan untuk hadir MAPA 2024 berdasarkan Undang-Undang Kecil ANGKASA

- Objektif utama bengkel ini adalah untuk memastikan semua persoalan dan pertanyaan dapat diselaraskan dengan baik sebelum diajukan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA). Usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen kita untuk meningkatkan kualiti



perbincangan dan keputusan yang diambil di dalam MAPA.

- Buku laporan MAPA ini adalah dokumen penting yang merangkumi segala aktiviti, pencapaian, dan laporan kewangan ANGKASA sepanjang tahun. Sebagaimana yang kita maklum, jurucakap yang dilantik

dalam MAPA memainkan peranan penting dalam meneliti dan membincangkan persoalan serta pertanyaan berkaitan lima buku utama, iaitu:

- I. Buku 1 - Minit Mesyuarat Agung Perwakilan ANGKASA (MAPA)

- II. Buku 2 - Laporan Tahunan ANGKASA 2024
- III. Buku 3 - Laporan Keuangan 2023 dan Belanjawan 2025
- IV. Buku 4 - Pencalonan dan Usul
- V. Buku 5 - Rancangan Perniagaan ANGKASA

- Penting juga untuk kita meneliti dan memahami tugas-tugas yang diamanahkan kepada Jurucakap Negeri yang menjadi suara penghubung antara ANGKASA di peringkat pusat dan peringkat negeri. Antaranya menyuarakan pandangan, cadangan, dan kebimbangan yang timbul dari peringkat negeri.

- Bengkel ini juga berfungsi sebagai wadah libat urus pengurusan MAPA dari semua peringkat bagi memastikan setiap soalan dan pandangan diterima oleh semua perwakilan yang hadir. Inilah platform untuk kita berbincang secara konstruktif dan memastikan segala usul dan

pandangan diambil kira dalam pelaksanaan MAPA ke 38.

- Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah hadir dan memberi komitmen tinggi dalam menjayakan bengkel ini. Semoga bengkel ini berjalan dengan lancar

dan mencapai semua objektif yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum      warahmatullahi  
wabarakatuh.